

Promosi FAEDAH TWO 8 8 – PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM HONG LEONG

TEMPOH PROMOSI

1. “**Promosi Faedah TWO 8 8 – Pembiayaan Margin Saham (SMF)**” (“**Promosi**”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“**HLB**”) bermula dari 16 Julai 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Promosi**”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang digunakan untuk Promosi.

KELAYAKAN

2. Promosi ini dibuka untuk penyertaan oleh semua warga Malaysia atau bukan-warga Malaysia yang menetap di Malaysia dengan status Pemastautin Tetap (“**Pelanggan**”) yang merupakan Pelanggan HLB baharu dan sedia ada yang memenuhi kriteria berikut:
 - (i) Berumur di antara 21 dan 65 tahun; dan
 - (ii) Pemohon baharu untuk Kemudahan Pembiayaan Margin Saham (“Kemudahan”) semasa Tempoh Promosi dengan jumlah pinjaman minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu [RM100,000] (“**Pelanggan SMF**”)
3. Mereka yang berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi:
 - (i) Pelanggan bukan-individu untuk kempen ini merujuk kepada akaun persatuan, pemilikan tunggal, rakan kongsi, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad yang bukan SME mikro pengilangan dengan perolehan jualan tahunan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5 juta).
 - (ii) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - (iii) Pelanggan yang telah melakukan atau dianggap oleh HLB/HLISB sebagai berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di sini.
 - (iv) Pelanggan yang menyerahkan permohonan baharu untuk membeli saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) dan Tawaran Awam Permulaan (IPO).
 - (v) Pelanggan sedia ada yang memiliki Kemudahan sebelum Tempoh Promosi dan telah menyerahkan permohonan baharu untuk menaikkan had Kemudahan tersebut.
 - (vi) Pelanggan sedia ada yang telah menutup Kemudahan terdahulu dan telah memohon untuk membuka Kemudahan baharu di bawah Promosi ini dalam masa satu (1) tahun dari tarikh penutupan tersebut.
 - (vii) Kakitangan tetap dan berkontrak HLB/HLISB.

KAEDAH PROMOSI

4. Pelanggan SMF yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 5 T&S ini (“**Pelanggan Layak**”) berhak untuk memperolehi Promosi di bawah:
 - (i) Kemudahan dengan kadar faedah 2.88% selama tiga (3) bulan pertama; dan
 - (ii) Seterusnya, untuk bulan keempat (ke-4) dan selanjutnya, faedah akan dikenakan pada Kadar Asas (BR) + 1.17%.
5. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak dikehendaki melakukan dan memenuhi syarat/kriteria seperti berikut:
 - (i) Memohon untuk mendapatkan Promosi semasa Tempoh Promosi di mana-mana cawangan HLB.
 - (ii) Untuk Pelanggan Layak yang telah memohon untuk mendapatkan Promosi semasa Tempoh Promosi, satu tempoh tangguh selama satu (1) bulan dari tarikh tamat Tempoh Promosi, iaitu sehingga 31^{hb} Januari 2019 akan diberikan kepada Pelanggan Layak hanya bertujuan untuk membolehkan Pelanggan Layak menerima Kemudahan yang diberikan oleh HLB untuk permohonan yang telah diserahkan semasa Tempoh Promosi. Pelanggan Layak dikehendaki menerima Kemudahan selewat-lewatnya pada 31^{hb} Januari 2019 untuk layak mendapat Promosi.

- (iii) HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian tidak langsung, khas atau sampingan termasuk sebarang kehilangan keuntungan, kehilangan perniagaan, atau kehilangan reputasi sekiranya Pelanggan Layak tidak berhak untuk mendapatkan Promosi kerana gagal melaksana dan memenuhi syarat/kriteria yang dinyatakan dalam Klausula 59(i) dan 5(ii), atas sebarang sebab. Untuk mengelakkan keraguan, untuk layak mendapatkan Promosi, Pelanggan layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka memohon untuk mendapatkan Kemudahan semasa Tempoh Promosi dan untuk menerima Kemudahan pada 31hb Januari 2019 (jika berkenaan) dan menyelesaikan semua caj berkaitan dengan Perjanjian Kemudahan dan sebarang dokumen lain dengan segera.

UMUM

6. Promosi ini tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama sebarang promosi lain yang sedang berlangsung yang berkaitan dengan Pembiayaan Margin Saham yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
7. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
 - (i) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S yang terkandung di sini;
 - (ii) bersetuju untuk melayari laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Sesawang HLB**") dengan kerap tetap untuk menyemak T&S dan memastikan mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (iii) bersetuju bahawa semua rekod pelanggan yang dicatatkan oleh sistem HLB untuk Promosi ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi ini, termasuk kelayakan Pelanggan untuk menyertai Promosi, adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan;
 - (v) bersetuju bahawa semua permohonan untuk mendapatkan Kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan HLB.
8. HLB berhak untuk :
 - (a) menolak mengikut budi bicara mutlakanya mana-mana permohonan untuk Kemudahan yang diserahkan tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi atas sebarang sebab yang dianggap wajar oleh HLB;
 - (c) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budi bicaranya dengan memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau dengan apa jua cara yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberi notis awal kepada Pelanggan mengenai penambahan, pepadaman atau pemindaan tersebut.
9. Pelanggan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang cukai berkaitan, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, yang berkaitan dengan penyertaan mereka di dalam Promosi ini.
10. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S ini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Promosi ini, terma dan syarat muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
11. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan merujuk kepada tunggal merangkumi maksud majmuk dan sebaliknya.